

16/10/2003

Israel: Ketua negara dijangka beri tekanan

KETUA Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mula bermesyuarat hari ini, akan mengambil pendirian tegas untuk mengenakan beberapa tekanan termasuk mendesak masyarakat antarabangsa menghentikan penyaluran bantuan kewangan kepada Israel.

Draf resolusi yang akan diperincikan oleh ketua atau wakil dari 57 negara itu juga mahukan tindakan lebih menyeluruh seperti menggesa anggota memboikot Israel, selain memutuskan hubungan diplomatik sehingga rejim itu menepati dan melaksanakan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Palestin dan Al-quds Al-Sharif (Baitulmaqdis).

Selain meminta Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan institusi tabung antarabangsa menghentikan bantuan kewangan, draf itu dijangka mengandungi desakan kepada anggota OIC dan EU mengenakan sekatan berikutan jenayah kemanusiaan yang dilakukan Israel sepanjang pendudukan di bumi Arab.

Semua tindakan praktikal terhadap Israel itu, yang diputuskan dalam mesyuarat peringkat menteri selama dua hari berakhir kelmarin, diharap menghentikan keganasan Israel dan mengembalikan keamanan di rantau itu.

Sumber-sumber berkata, draf resolusi yang diterima pada peringkat Menteri Luar juga mengukuhkan prinsip penyatuan ummah di kalangan rakyat Palestin serta tindakan intifada dalam membebaskan negara mereka daripada pendudukan.

"Pemimpin-pemimpin OIC sedar kerjasama membina dan penyelarasan berterusan perlu ada di kalangan negara Arab dengan negara Islam lain," katanya.

Ketua-ketua negara OIC bertemu hari ini untuk Sidang Kemuncak ke-10 yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Malaysia akan mempengerusikan pertubuhan 57 negara itu selama tiga tahun.

Mesyuarat peringkat pegawai dan menteri sebelum ini turut menegaskan kepentingan langkah praktikal selain kecaman keras terhadap keganasan Israel di Palestin dan serangan terbaru rejim Tel Aviv ke atas Syria.

Difahamkan, draf resolusi sidang kemuncak kali ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu isu Palestin serta konflik Arab-Israel, politik; ekonomi; budaya dan sosial; serta hal perundangan yang antara lain menggariskan hak kemanusiaan dalam Islam.

Kehadiran Majlis Pemerintah Iraq (IGC) dan Kabinetnya turut dimasukkan, langkah yang dianggap sebagai permulaan kepada pemulihan di negara yang ditakluk AS itu.

Draf resolusi itu juga meminta PBB memastikan tentera penceroboh di Iraq mematuhi prinsip Konvensyen Geneva 1949 dalam melindungi rakyat Iraq, hak beragama dan kebudayaan serta waris sejarah.

Usaha untuk membantu Iraq di kalangan negara anggota juga dimasukkan selaras Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1483 (2003) dengan menggesa anggota OIC memberi bantuan dalam semua bentuk kepada Iraq bagi memulihkan negara itu.

Ini termasuk pembangunan semula struktur ekonomi dan infrastruktur negara yang rosak teruk akibat serangan AS dan Britain.

Ketua-ketua negara juga dijangka membuat permintaan kepada Iraq supaya mengenakan hukuman terhadap anggota bekas rejim yang melakukan jenayah, serta meminta masyarakat antarabangsa tidak melindungi mereka.

Sementara itu, Ketua Majlis Pemerintah Iraq, Ayad Allawi memberitahu sidang akhbar di sini semalam, Baghdad mahu resolusi mengenai Iraq ditunda

bagi menunggu keputusan Majelis Keselamatan PBB mengeluarkan resolusi baru.

Keputusan bagi draf resolusi terbaru itu dijangka dikeluarkan dalam tempoh sehari dua ini.

Sebelum ini, AS cuba membentangkan draf bagi mendapat sokongan antarabangsa dalam pembangunan semula dan penempatan tentera di Iraq tetapi mendapat tentangan hebat.

Mengenai keganasan antarabangsa, OIC dijangka mengulangi komitmen membanteras semua bentuk keganasan termasuk membabitkan negara anggotanya sendiri, ada secara langsung atau tidak langsung.

Draf resolusi sidang kemuncak kali ini juga dijangka mengutuk sekeras-kerasnya jenayah penganas yang menggunakan nama Islam atau nama lain, dalam tindakan mereka.

Dalam isu ekonomi, difahamkan OIC menggesa anggotanya supaya menganggotai Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dapat memastikan keputusan yang dikeluarkan dapat memenuhi kehendak semua dan meningkatkan ketelusan.